

Keharmonian pelbagai etnik UMS, tarik minat pelajar

KOTA KINABALU 13 Julai – Kewujudan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 24 November 1994 telah membuka lembaran baru kepada pendidikan tinggi di negeri ini.

Pembukaan universiti itu sememangnya amat dinantikan oleh penduduk negeri ini yang mempunyai lebih 30 etnik khususnya kepada golongan pelajar.

Berasaskan kepada semangat perpaduan, universiti tersebut terus maju dengan menghasilkan pelajar yang cemerlang tanpa menimbulkan sebarang masalah meskipun mempunyai pelajar daripada pelbagai kaum.

Semangat perpaduan tersebut juga telah menjadikan UMS sebagai pilihan pelajar termasuk dari Semenanjung dan luar negara selain menjadi pencetus semangat untuk pelajar berusaha bersungguh-sungguh.

Jadi tidak hairanlah apabila kemasukan pelajar ke universiti itu terus meningkat daripada 3,800 pelajar pada tahun lalu kepada 4,010 pada tahun ini.

Seorang pelajar baru dari Melaka, Alia Umaira Mohd. Rafi, 20, berkata, dia meletakkan UMS sebagai pilihan utama ekoran tertarik dengan keharmonian universiti berkenaan.

"Saya sebenarnya bukan sahaja tertarik dengan keindahan dan kecantikan UMS tetapi kerana kepelba-



ALIA UMAIRA



NORSYAKIRA



NORAZIMAH



AZMI HASHIM

gaiam kaum yang ada di sini.

"Jadi dengan suasana yang harmoni di UMS tanpa sebarang unsur tidak baik seperti politik kampus yang melampau saya yakin dapat belajar dengan baik," katanya yang mengambil kursus Sarjana Muda Keusahawanan.

Dalam pada itu, bagi Syarifah Norsyakira Syed Siks, 20, keharmonian di universiti tersebut membuatkan dia berazam untuk mencapai kecermerlangan.

Anak keempat daripada lima beradik itu berkata, berjauhan daripada ibu bapa juga mendorongnya untuk berusaha bersungguh-sungguh.

"Sememangnya saya sedih kerana berjauhan dengan keluarga tetapi ini sebenarnya membakar semangat saya untuk membuktikan saya mampu mencapai kecermerlangan sebagai hadiah kepada ibu bapa saya.

"Jadi dengan prestasi dan suasana harmoni di UMS saya yakin dapat mencapai kecermerlangan yang diimpikan di sini," katanya.


Seorang lagi pelajar yang berasal dari Terengganu, Norazimah Mohammad, 20, berkata, kesempatan melanjutkan pelajaran di UMS akan digunakan sebaik mungkin.

Katanya, dia akan menggunakan waktu yang ada bukan sahaja di dalam kelas tetapi menimba ilmu dan pengalaman di seluruh pelosok negeri ini.

"Sabah sememangnya cantik dengan pelbagai budaya, jadi saya akan menambahkan lagi pengetahuan mengenai budaya yang ada di Sabah" katanya.

Seorang bapa, Azmi Hashim, 55, berkata, dia tidak keberatan menghantar anaknya ke UMS meskipun berjauhan kerana menaruh keyakinan kemampuan universiti berkenaan.

"Saya yakin dengan prestasi universiti yang baik akan memberi anak saya kejayaan dan saya juga tidak bimbang dengan keselamatannya kerana negeri ini aman dan damai," katanya yang berasal dari Pulau Pinang.



NAIB Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon (tiga dari kanan) berbual dengan pelajar baru semasa meninjau sesi pendaftaran pelajar baru UMS 2010/2011 di Dewan Canselor UMS di Kota Kinabalu, baru-baru ini.